



**JABATAN KERJA RAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
SEBUTHARGA NO. JKR / WPP / Q / 29 / 2024**

**KERJA-KERJA PENUKARAN LAMPU FASAD SERTA LAMPU DI BILIK
MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL JENIS *LIGHT-EMITTING DIODE* (LED)
TERMASUK KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KOMPLEKS
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, LOT 2G8, PRESINT 2,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Sepang, Hulu Langat dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam Gred G3 Kategori ME, Pengkhususan E04 dan E11.
2. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Surat kebenaran khas CIDB adalah tidak dibenarkan.
3. Kontraktor dikehendaki membuat semakan kelayakan melalui pautan <https://s3pk.jkr.gov.my/pc5/IklanDetails.aspx?refNo=PRO240325114128106> atau melalui imbasan QS kod di bawah bermula dari tarikh **22.04.2024** bermula jam **12.00 tengah malam** sehingga **23.04.2024** jam **11.45 malam** sahaja. Sila klik butang berminat untuk mendapatkan Dokumen Sebut Harga.
4. Emel yang mengandungi no siri unik akan dihantar melalui **EMEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** (Emel persendirian tidak dibenarkan) Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun dari laman sesawang S3PK, bermula dari **24.04.2024** sehingga **29.04.2024** setelah menerima emel no siri.
5. Dokumen Sebut Harga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan serahan tangan atau perkhidmatan pos dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga JKR WPP, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan** Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya, Blok F7, Kompleks F Pusat Petadbiran Kerajaan Persekutuan 62000 Putrajaya **TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 tengah hari, hari KHAMIS 30.04.2024**.
6. Sebarang pertanyaan sila emel ke norhalizawati@jkr.gov.my


(Ir. ZILAILA BINTI ZAKARIA)
Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Bahagian Bangunan Kerajaan 2
JKR Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tarikh : 05 - 04 - 2024